

03/09/2003

Penduduk lima negeri boleh buat aduan

KUALA LUMPUR: Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sedia menerima aduan orang ramai yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda berikutan kejadian bekalan elektrik terputus di lima negeri, kelmarin.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata mengikut peruntukan undang-undang, setiap pengguna berhak mengemukakan tuntutan.

Katanya, berikutan kejadian itu, kerugian yang dialami dianggarkan mencecah berjuta-juta ringgit termasuk dari segi masa, pengangkutan dan perniagaan.

"Kita tidak menyekat pengguna mengemukakan aduan kepada tribunal kerana sudah tentu ada pengguna yang tidak berpuas hati dengan kejadian itu.

"Lebih penting lagi, langkah Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu memastikan ia sentiasa siap sedia dan berwaspada untuk mengelak kejadian sama berulang seperti arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Harta Intelek mengenai Pembangunan Cap Dagangan dan Strategi Jenama di sini, semalam.